

# UMK menang anugerah ACEEU di India

Tewaskan 300  
penyertaan daripada 50  
universiti

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terus mengungguli kecemerlangan dalam bidang keusahawanan di peringkat antarabangsa setelah memenangi tempat pertama dan ketiga pada Majlis Penganugerahan 2020 Asia-Pacific Triple E Awards on Entrepreneurship and Engagement Excellence in Higher Education (ACEEU) di India kelmarin.

Naib Canselor UMK, Datuk Profesor Ts Dr Noor Azizi Ismail berkata, UMK memenangi tempat pertama dalam kategori *Student-Driven Sustainability Project of the Year Award* yang diwakili oleh Pengarah Pusat Antarabangsa UMK, Profesor Madya Dr Wee Yu Ghee melalui projek Social Enterprise for Economic Development (SEED).

Menurutnya, UMK turut memenangi tempat ketiga bagi kategori *Entrepreneurial Leader of the Year Award* yang diwakili oleh Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK, Profesor Dr Nik Maheran Nik Muhammad.

“Penganugerahan tersebut disampaikan oleh Pengerusi ACEEU Awards, Profesor Dr Thorsten Klie-



Yu Ghee (dua dari kanan) dan Nik Maheran (tiga dari kanan) bersama anugerah yang dimenangi masing-masing di India kelmarin.

we di Hotel Kochi Marriott, India.

“Pihak penganjur ACEEU Awards menerima lebih 300 penyertaan daripada 50 lebih universiti di rantau Asia Pasifik untuk 12 kategori penganugerahan,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata, UMK melalui Institut Keusahawanan UMK (UMKEI), Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi menghantar tujuh kategori penyertaan dan tiga penyertaan itu tersenarai sebagai finalis bagi tiga kategori.

“Selain itu, penyertaan bagi kategori *Entrepreneurship Educator of the Year Award* yang diwakili oleh Ts Dr Muhammad Ashlyzan Razik turut tersenarai sebagai finalis.

“Turut diadakan ialah 3rd International Conference on Sustainable Globalization yang bermula pada 9 hingga 13 Januari lalu,” katanya.

Katanya, kemenangan ini membanggakan apabila UMK menerusi Profesor Dr Nik Maheran yang menyampaikan pembentangan tersebut dengan tajuk *Entrepreneurial Literacy and Entrepreneurship Education for Future Society: The Malaysian Perspective*.

“Anugerah pada awal tahun 2020 ini sangat memberangsangkan dan akan menjadi titik permulaan untuk lebih banyak kejayaan ke peringkat global.

“Saya dan seluruh warga UMK amat berbangga dengan pencapaian di rantau Asia Pasifik khususnya dalam bidang keusahawanan ini,” katanya.